

BANTUAN AKTIVITI-AKTIVITI PERAYAAN ISLAM

OBJEKTIF

Bantuan kewangan khusus untuk membantu meringankan bebanan kewangan Badan Kebajikan, Persatuan Islam, Organisasi, dan lain-lain bagi menjalankan aktiviti-aktiviti keagamaan dan keraian Islam (Hari Kebesaran Islam) yang tidak menyalahi kehendak hukum seperti Program Maulidur Rasul, Maal Hijrah, Nuzul Quran, Bulan Ramadhan, Israk dan Mikraj dan seumpamanya.

KEKERAPAN

Peringkat	Maksimum
IPTA/IPTS	Sekali sahaja setahun bagi setiap IPTA/IPTS, fakulti, persatuan, majlis perwakilan pelajar dan berkaitan.
Selain IPTA/IPTS	2 kali sahaja setahun.

SYARAT-SYARAT BANTUAN

1. Berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan atau mendapat pengiktirafan daripada pihak Kerajaan (i.e. Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM), Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), atau yang berkaitan).
2. Pemohon hendaklah mengemukakan kertas kerja bagi program ceramah, motivasi dan aktiviti yang hendak dianjurkan.
3. Bagi permohonan pertama hendaklah menghantar laporan aktiviti penggunaan dana bantuan tersebut.
4. Bagi permohonan berulang, hendaklah disertakan laporan aktiviti penggunaan dana bantuan yang telah dilaksanakan (Tahun sebelumnya).
5. Keutamaan diberi bagi aktiviti yang dianjurkan di Sarawak.
6. Aktiviti atau Program yang tidak bercanggah dengan Islam.
7. Permohonan tidak akan dilayan jika program atau kursus/aktiviti tersebut telah dilaksanakan.

DOKUMEN YANG DIPERLUKAN (JIKA BERKAITAN)

1. Surat permohonan.
2. Kertas kerja.
3. Laporan siasatan ke atas Institusi, Badan organisasi, persatuan dan yang berkaitan yang tidak berdaftar dengan pihak Kerajaan.
4. Salinan buku akaun (Institusi/Pusat pengajian/Badan organisasi/Sekolah/PIBG/Persatuan/Masjid/Surau dan yang berkaitan).
5. Salinan sijil atau surat pendaftaran.